

Nama: ..... Kelas : .....

**SULIT**  
011  
Bahasa Melayu (SK)  
1 Jam  
Set 2

**JABATAN PENDIDIKAN  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**PROGRAM CANANG  
SEKOLAH-SEKOLAH RENDAK NDSK  
2001**

---

**BAHASA MELAYU (SK)**  
Ujian Pemahaman  
Satu Jam

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi **50 soalan**. Jawab **semua** soalan.*
2. *Jawab dengan menghitamkan ruangan pada kertas jawapan.*
3. *Cara menjawab adalah seperti di bawah ini.*

*Contoh Soalan:*

*Ali menulis namanya pada buku dengan*

- A** pembaris*
- B** pemadam*
- C** pensel*
- D** kapur*

*Jawapan yang betul bagi contoh soalan ialah **pensel** dan hurufnya ialah **C**.  
Lihat Contoh pada kertas jawapan yang diberi. Ruangan bagi huruf **C** telah dihitamkan.*

4. *Bagi **satu** soalan hitamkan **satu** ruangan sahaja.*
  5. *Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat.  
Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
-

*Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C, dan D**. Antaranya satu sahaja jawapan yang betul. Pilih jawapan yang betul itu, Kemudian, pada kertas jawapan kamu, hitamkan ruangan yang mempunyai huruf yang sama dengan pilihan jawapan yang telah kamu pilih itu.*

### **Soalan 1 hingga soalan 5**

*Baca petikan di bawah kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.*

"Syabas, orang muda! Kita akan mengajar orang putih itu. Biar mereka tahu siapa pahlawan Melayu anak **watan** Pahang," kata Orang Kaya Bahaman sambil mengetap bibirnya. Rasa marah terhadap orang putih terpancar di wajahnya.

"Betul kata Orang Kaya itu. Orang Inggeris memang hendak menghancurkan kita. Mereka mahu menghapuskan adat istiadat kita, agama kita dan kedudukan raja kita. Mereka mahu membolot kekayaan yang banyak terdapat di bumi Pahang ini. Kita tidak boleh membiarkan mereka mendarat di Kuala Tembeling ini. Tidak sekali-kali!" Imam Rasul berkata dengan semangat berkobar-kobar. Dia sedang bersandar pada perdu pohon tualang.

Malam beransur tiba. Matahari sudah beralih ke barat. Angkatan anak Melayu Paha yang dipimpin oleh Orang Kaya Bahaman, Imam Rasul dan pahlawan muda terus berjaga-jaj Mereka berehat bergilir-gilir sementara menanti hari esok.

"Wahai pahlawan muda," suara Imam Rasul memecahkan kesunyian malam.

"Ya, bapak," pahlawan muda menjawab dengan tenang.

"Malam ini adalah malam terakhir untuk bapak memberikan amanat kepadamu," kat Imam Rasul. Suaranya tersekat-sekat. "Gunakan tenaga muda dan ilmu yang dipelajari untuk kebaikan. Pertahankanlah kedaulatan raja dan negara tercinta," Imam Rasul berhenti seketika. Wajah pahlawan muda ditenung dengan rasa bangga. Pada usia semuda itu, dia sudah banyak berjasa.

Pahlawan muda mendengar nasihat Imam Rasul dengan penuh perhatian. Kata-kata itu amat besar ertinya.

"Esok, ketika fajar menyinsing kita mesti berjuang mati-matian. Kita mesti mempertahankan hak dan maruah bangsa kita. Kita mesti mempertahankannya! Biar putih tulang jangan putih mata!" kata Imam Rasul dengan semangat yang berkobar-kobar.

"Baiklah bapak. Segala pesanan bapak itu akan tetap kami ingat," jawab pahlawan n dengan rasa terharu.

Petikan daripada cerita 'Pahlawan Pahang'

1. Siapakah yang memberikan amanat terakhir kepada angkatan anak Melayu Pahang pada malam itu?
  - A** Imam Rasul
  - B** Pahlawan muda
  - C** Orang Kaya Bahaman
  - D** Ketua kampung

- 2 Angkatan anak Melayu Pahang akan menyerang orang Inggeris apabila
- A malam tiba
  - B terbit matahari keesokan harinya
  - C terbenam matahari keesokan harinya
  - D keesokan harinya
- 3 Mengapakah Imam Rasul berbangga dengan Pahlawan Muda?
- A Pahlawan muda itu adalah anaknya
  - B Pahlawan muda adalah penyokong setianya
  - C Pahlawan muda telah banyak berbakti
  - D Pahlawan muda itu akan menggantikannya
- 4 Berikut adalah tujuan Orang Inggeris ke negeri Pahang **kecuali**
- A membunuh anak-anak negeri
  - B mengaut kekayaan
  - C menghapuskan agama Islam
  - D melenyapkan adat-istiadat orang Melayu
- 5 Perkataan **watan** dalam petikan bermaksud
- A anak Melayu jati
  - B anak tempatan
  - C pahlawan negeri
  - D tanah tumpah darah

**Soalan 6 hingga Soalan 10**

Baca berita di bawah kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

BANDAR JENGKA 11 Ogos - Ekspo PNB 2000 yang telah dirasmikan oleh Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob hari ini mendapat sambutan yang menggalakkan apabila dikunjungi oleh 35 000 pengunjung.

Ekspo selama empat hari sehingga 13 Ogos 2000 yang bertempat di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah (Balora Mastika) di sini, dijangka akan terus menarik lebih ramai masyarakat setempat daripada pelbagai peringkat.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan sempena ekspo itu seperti pameran pendidikan dan jualan barangan oleh syarikat-syarikat pelaburan PNB, demikian menurut PNB dalam kenyataannya di sini hari ini.

Ekspo turut dimeriahkan dengan aktiviti sudut produk, taklimat kerjaya, program kenali PNB, pertandingan debat, peraduan mewarna dan rancangan kuiz bersama Along.

Lain-lain aktiviti termasuk kuiz untuk golongan remaja, dewasa dan keluarga, persembahan kebudayaan dan sukaneka.

Para pengunjung bertuah berpeluang memenangi sebuah komputer dan 10 sijil ASB bernilai RM 100 setiap satu pada hari kedua dan ketiga ekspo diadakan.

Sebuah motosikal Modenas Kriss 110 juga ditawarkan kepada pengunjung bertuah pada hari terakhir ekspo di samping hadiah yang sama ditawarkan pada hari yang sebelumnya.

Ekspo ini dijangka dapat meningkatkan lagi kefahaman orang ramai, khususnya masyarakat di sekitar Bandar Jengka tentang selok-belok pelaburan.

Pameran dibuka kepada orang ramai mulai pukul 10 pagi hingga 10 malam.

**6** Bilakah Ekspo PNB 2000 bermula?

- A 10 Ogos 2000
- B 11 Ogos 2000
- C 12 Ogos 2000
- D 13 Ogos 2000

**7** Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang diadakan di Ekspo PNB 2000 **kecuali**

- A peraduan melukis
- B pertandingan bahas
- C sukaneka
- D taklimat kerjaya

**8** Pengunjung bertuah Ekspo PNB 2000 pada hari terakhir akan menerima

- A komputer dan sebuah motosikal Kriss.
- B komputer dan sijil ASB bernilai RM 100.
- C sijil ASB bernilai RM100 dan motosikal Kriss.
- D komputer, Sijil ASB bernilai RM100 dan motosikal Kriss.

- 9 Berikut adalah tujuan Ekspo PNB 2000 dilaksanakan **kecuali**
- A mengadakan pameran yang berkaitan dengan pendidikan.
  - B mengadakan jualan barangan oleh syarikat-syarikat pelaburan **PNB**.
  - C menarik pengunjung datang ke ekspo tersebut.
  - D mencungkil bakat dan memberi peluang kepada pengunjung memenangi pertandingan yang dijalankan.
- 10 Berapakah aktiviti bercorak pertandingan yang dijalankan, sepanjang Ekspo PNB 2000?
- A Dua
  - B Tiga
  - C Empat
  - D Lima

**Soalan 11 hingga soalan 15**

*Baca puisi di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.*

Ilmu itulah gemala sakti,  
Sinamya cerah cahaya sejati,  
Asal puncanya lamun didapati,  
Sukar bercerai sehingga mati

Harganya tidak dapat dinilai,  
Sebuah dunia belinya bukan,  
Kuasanya besar sukar digunakan,  
Di laut di darat di rimba di pekan.

Masa seseorang ialah taulan,  
Teman berbekal suluh berjalan,  
Masa berhimpun ia pengenalan,  
Hias penyata polan si polan.

Bagi yang duka ia penghibur,  
Ia penerang bagi yang kabur,  
Ialah kandil di dalam kubur,  
Lamun dengannya beramal subur.

Ia penerang jalan ke syurga,  
Ia pemuas tekak yang dahaga,  
Ialah sungai ialah telaga,  
Laut yang luas ialah juga.

Ialah alat sangat berguna,  
Idaman orang yang bijaksana,  
Hampamya luas amat saujana,  
Tepinya ajal sempadan fana.

**11** Apakah yang hendak disampaikan oleh penyair dalam puisi di atas?

- A** Kekuasaan ilmu
- B** Kesaktian ilmu
- C** Kelebihan ilmu
- D** Kegunaan ilmu

**12** Harga ilmu dikatakan tidak dapat dinilai kerana

- A** ilmu dapat membeli dunia
- B** ilmu dapat diukur
- C** ilmu banyak kelebihan
- D** ilmu digunakan di merata-rata

- 13 Baris lamun dengan beramal subur bermaksud
- A ilmu adalah suatu amalan yang baik
  - B ilmu yang diamalkan banyak manfaatnya
  - C ilmu diamalkan untuk kepentingan diri
  - D ilmu yang subur harus diamalkan
- 14 Perkataan **kandil** dalam rangkap keempat paling sesuai digantikan dengan
- A tempat tidur
  - B pelita
  - C teman
  - D pemandu
- 15 Pada pendapat anda, apakah tujuan syair ini ditulis?
- A Agar manusia sedar akan faedah ilmu.
  - B Agar manusia beramal dengan ilmu.
  - C Agar manusia menghormati orang yang berilmu.
  - D Agar manusia meninggikan taraf ilmu.

**Soalan 16 hingga Soalan 20.**

*Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.*

**Laporan Kelab Keselamatan Jalan Raya Sekolah Kebangsaan Taman Delima**

Guru-Guru Pembimbing :           1. Puan Alina Hassan  
  2. Encik Hashim Mustafa  
  3. Encik Muzafar Iamail

Ahli Jawatan kuasa :   Pengerusi                 : Amir Hamzah Zainudin  
                                  Naib Pengerusi       : Tey Mei Chin  
                                  Setiausaha            : Intan Munirah Zakaria  
                                  Bendaliari             : Farah Atirah Manaf

Kelab Keselamatan Jalan Raya adalah penting untuk mendidik para pelajar sekolah khususnya dari peringkat sekolah rendah lagi bagi menyemai sikap yang baik, sebagai pengguna jalan raya. Pendedahan mengenai peraturan jalan raya, maksud lambang-lambang di jalan raya dan juga sikap bertimbang rasa, bertanggungjawab dan berdisiplin adalah selaras dengan kempen 'Berhati-hati di Jalan Raya'. Oleh itu adalah diharapkan para pelajar yang dididik akan menjadi pengguna jalan raya yang berhemat.

Beberapa aktiviti kelab telah dijalankan sepanjang tahun ini. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah;

- a) Mengenai lambang-lambang di jalan raya.  
Aktiviti ini melibatkan ahli-ahli kelab sahaja. Dijalankan pada sebelah petang waktu kegiatan kokurikulum.
- b) Melukis poster berkaitan keselamatan jalan raya.  
Pertandingan ini terbuka kepada semua murid Tahap Dua.
- c) Sesi perbincangan mengenai keselamatan di jalan raya.  
Dua orang ahli panel telah dijemput untuk mengendalikan program ini. Program ini melibatkan semua murid.
- d) Pertandingan kuiz mengenai keselamatan di jalan raya.  
Pertandingan ini hanya terbuka kepada ahli kelab sahaja.
- e) Pameran tentang keselamatan di jalan raya.  
Pameran ini dibuka juga kepada ibu bapa dan penduduk sekitar taman ini.

Selain itu, kelab ini juga telah menyertai pertandingan lalu lintas peringkat negeri dan berjaya mendapat tempat kedua. Peserta terdiri daripada ahli kelab. Akhir kata, semoga kelab ini akan terus berjaya dalam aktiviti-aktivitinya. Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh,  
Setiausaha, Kelab  
Keselamatan Jalan Raya

16 JANUARI 2001



- 16 Laporan Kelab Keselamatan Jalan Raya Sekolah Kebangsaan Taman Delima ini disediakan oleh
- A Puan Alina Hassan
  - B Amir Hamzah Zainudin
  - C Intan Munirah Zakaria
  - D Farah Atirah Manaf
- 17 Masa yang sesuai untuk membentuk para pelajar menjadi pengguna jalan raya yang berhemah tinggi ialah pada peringkat
- A Tahun Satu di sekolah rendah
  - B pra universiti
  - C naik ke sekolah menengah
  - D awal remaja
- 18 Berapakah aktiviti Kelab Keselamatan Jalan **Raya** yang hanya melibatkan ahli kelab sahaja?
- A dua aktiviti
  - B lima aktiviti
  - C tiga aktiviti
  - D enam aktiviti
- 19 Berikut adalah peserta yang layak menyertai pertandingan melukis poster **kecuali**
- A Baizura, murid Tahun Lima
  - B Ong Beng Hee, murid Tahun Tiga
  - C Nirmala Devi, murid Tahun Enam
  - D Aiman Shafik, murid Tahun Empat
- 20 Perkataan **berhemat** dalam petikan di atas **bermaksud**
- A bersopan santun
  - B berbudi bahasa
  - C becermat
  - D bertolak ansur

**Soalan 21 hingga soalan 33**

*Pilih jawapan yang paling sesuai untuk diisi ke tempat kosong dalam ayat di bawah.*

- 21 Pelancong dapat \_\_\_\_\_ keindahan semulajadi Sungai Sarawak jika melawat negeri Bumi Kenyalang.
- A mengecapi
  - B menghayati
  - C merasai
  - D membayangi

- 22 Kita tidak perlu mengikut \_\_\_\_\_ Barat dalam usaha mengekalkan keaslian pakaian tradisional kita.
- A cara  
B budaya  
C pimpinan  
D arahan
- 23 Para pelajar \_\_\_\_\_ melakukan perkara-perkara yang tidak sopan.
- A ditegah  
B disangah  
C ditahan  
D dibangkang
- 24 Salmi mencabut \_\_\_\_\_ uban di kepala neneknya
- A sehelai  
B secekak  
C seurat  
D sebatang
- 25 Cincin yang dipakai olehnya dihias indah dengan \_\_\_\_\_ permata.
- A sebiji  
B sebutir  
C sebuah  
D setitik
- 26 Abang \_\_\_\_\_ semasa menjawab soalai dalam peperiksaan.
- A kepala otak  
B otak beku  
C otak udang  
D memerah otak
- 27 Adik menggunakan \_\_\_\_\_ untuk menyelesaikan soalan matematik itu.
- A kuda-kuda  
B kira-kira  
C kisi-kisi  
D dekak-dekak

### Soalan 28 dan Soalan 29

*Pilih perkataan yang menggunakan kata gandayang membawa maksud saling.*

- 28 I Semua anggota masyarakat harus mempunyai sikap tolong-menolong.  
II Ibu saya baharu sahaja membuka sebuah sekolah jahit-menjahit.  
III Kanak-kanak itu tolak-menolakan semasa menaiki bas.  
IV Sarah dan Nadia pandang-memandang sambil tersenyum
- A I, II dan III sahaja  
B I, II dan IV sahaja  
C II, III dan IV sahaja  
D I, II, III dan IV
- 29 I Kedua-dua buah kereta itu kelihatan potong-memotong sejak tadi lagi.  
II Murid-murid itu bertukar-tukar hadiah sebelum pulang ke rumah masing-masing.  
III Mereka melakukan perbuatan yang salah itu secara terang-terang.  
IV Siti menggaru-garu kepalanya apabila ditanya oleh Cikgu Nasir.
- A I dan II sahaja  
B I, III dan IV sahaja  
C II, III dan IV sahaja  
D I, II, III dan IV

**Soalan 30 hingga soalan 31**

Pilih perkataan yang menggunakan **kata ganda** yang membawa maksud **tunggal**.

- 30** I Rumah itu menjadi gelap-gelita apabila semua lampu terpadam.  
 II Pak Samad mengetam papan di atas kuda-kuda.  
 III Tindak-tanduk lelaki itu mencurigakan penduduk di kawasan itu.  
 IV Adik saya suka menangkap rama-rama.  
**A** I dan IV sahaja **C** II dan IV sahaja  
**B** I dan III sahaja **D** II, III dan IV
- 31** I Langit-langit Zaki berdarah kerana terkena tulang ikan.  
 II Palang itu terletak pada tupai-tupai.  
 III Orang tua itu berjalan terhuyung-hayang kerana pening kepala.  
 IV Adik dapat menjawab teka-teki itu.  
**A** I dan II sahaja **C** II, III dan IV sahaja  
**B** I, II dan IV sahaja **D** I, II, III dan IV

**Soalan 32 hingga soalan 35**

Pilih perkataan yang sama erti dengan perkataan yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah..

- 32** **A** Maafkan saya, cikgu. Basikal saya rosak, kata abu.  
**B** "Maafkan saya, cikgu, basikal saya rosak, kata Abu.  
**C** "Maafkan saya. cikgu. Basikal saya rosak," kata Abu  
**D** "Maafkan saya, cikgu. Basikal saya rosak," kata Abu.
- 33** **A** Kamu hendak ke mana? Bagaimana kamu boleh berada di sini?  
**B** Kamu hendak ke mana? bagaimana kamu boleh berada di sini?  
**C** Kamu hendak ke mana, bagaimana kamu boleh berada di sini?  
**D** Kamu hendak ke mana! Bagaimana kamu boleh berada di sini?
- 34** **A** "Wah! Besar betul rumah orang kaya itu! Kata Karim.  
**B** "Wah, besar betul rumah orang kaya itu," kata Karim.  
**C** "Wah, besar betul rumah orang kaya itu!" kata Karim.  
**D** "Wah! Besar betul rumah orang kaya itu." Kata Karim.
- 35** **A** Ramli terus menjawab, "Bukan saya yang memecahkan pasu itu"  
**B** Ramli terus menjawab, "Bukan saya yang mcmecahkan pasu itu".  
**C** Ramli terus menjawab, "bukan saya yang memecahkan pasu itu."  
**D** Ramli terus menjawab. "Bukan saya yang memecahkan pasu itu."

**Soalan 36 hingga soalan 37**

Pilih perkataan yang sama maksudnya dengan ayat yang bergaris.

- 36** Bangunan itu semakin condong ke barat akibat mendapan tanah.
- A** Tegap **C** Tegak  
**B** Senget **D** Bengkok

37 Emas tulen sangat mahal harganya berbanding dengan emas tiruan.

- |   |       |   |       |
|---|-------|---|-------|
| A | Palsu | C | Padat |
| B | Asli  | D | Padu  |

### Soalan 38 hingga soalan 40

Pilih ayat yang menggunakan **tanda baca** yang betul.

38 Tukang emas menimbang sebentuk cincin menggunakan neraca khas.

- |   |        |   |        |
|---|--------|---|--------|
| A | balang | C | raga   |
| B | bekas  | D | dacing |

39 Lagu lama itu sungguh merdu apabila didendangkan oleh penyanyi terkenal.

- |   |             |   |            |
|---|-------------|---|------------|
| A | dibuaikan   | C | dibisikkan |
| B | dinyanyikan | D | dilafazkan |

40 Kuda itu ditunggang oleh seorang penunggang yang cekap dan berpengalaman.

- |   |         |   |          |
|---|---------|---|----------|
| A | dipandu | C | dipacu   |
| B | dikudai | D | dikemudi |

### Soalan 41 hingga soalan 44

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

41 I Kota itu telah jatuh ke tangan musuh.  
 II Razak telah jatuh dalam peperiksaan yang lepas.  
 III Nilai mata wang negara itu telah jatuh dengan teruknya.  
 IV Pinggan yang berisi lauk telah jatuh daripada tangan Puan Salmah.

- |   |                   |   |                     |
|---|-------------------|---|---------------------|
| A | I dan III sahaja  | C | I, II dan IV sahaja |
| B | II dan III sahaja | D | I, III dan IV       |

42 I Buku itu dia karang.  
 II Malam karang Encik Wahid akan datang ke rumah saya.  
 III Farah menanam pokok bunga di karang rumahnya.  
 IV Encik Pilus telah menghidap penyakit batu karang semenjak dua tahun yang lalu.

- |   |                 |   |                      |
|---|-----------------|---|----------------------|
| A | I dan II sahaja | C | I, II dan III sahaja |
| B | I dan IV sahaja | D | I, III dan IV sahaja |

43 I Jika ada lapangan, saya akan datang pada malam nanti.  
 II Di belakang rumahnya ada sebuah kawasan lapangan.  
 III Kawasan lapangan terbang ini adalah kawasan larangan.  
 IV Sudah berapa lama saudara bergiat dalam lapangan penulisan?

- |   |                      |   |                          |
|---|----------------------|---|--------------------------|
| A | II dan III sahaja    | C | I, II dan III sahaja     |
| B | I, III dan IV sahaja | D | I, II, III dan IV sahaja |



